

info

usahawan

issue
1/21


nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA





crowdfunding

Perniagaan Menerusi Pendanaan Orang Ramai

Nur Liyana Mohamed Yousop, Wan Mohd Farid
Wan Zakaria, Zuraidah Ahmad
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Johor.

Pada masa kini, terdapat pelbagai kaedah boleh digunakan untuk pendanaan modal perniagaan. Antaranya dengan membuat pinjaman daripada pihak bank, pinjaman menerusi institusi pinjaman perniagaan seperti Tekun Nasional, pendanaan menerusi wang simpanan sendiri serta sumbangan daripada rakan atau ahli keluarga terdekat. Namun, kebelakangan ini, terdapat satu lagi kaedah yang semakin mendapat perhatian iaitu pendanaan menerusi sumbangan orang ramai.

Apa itu pendanaan orang ramai?

Pendanaan orang ramai atau 'crowdfunding' merupakan suatu usaha sama dalam membiayai sesebuah idea, projek atau perniagaan dengan mengumpulkan modal daripada penyokong atau penyumbang individu mahupun berkumpulan.

Bagaimana ia membantu perniagaan anda?

Sistem 'crowdfunding' telah menggunakan aplikasi dan laman sesawang di atas talian sebagai platform utama dalam mengumpulkan dana orang ramai. Dari sudut perniagaan, sistem ini berfungsi seperti rajah 1.



Rajah 1 : Perniagaan berasaskan 'crowdfunding'

Secara umumnya, setiap pencetus atau pencipta perlu menerangkan idea, projek dan perniagaan yang ingin dijalankan. Penerangan yang juga dinamakan sebagai kempen ini boleh dilakukan menerusi pelbagai kaedah di antaranya menerusi laman sesawang sedia ada seperti di Malaysia (Ethis Kapital, Pitchin Platforms), luar negara (Kicstarter, Indiegogo) atau menerusi media sosial. Pencetus juga perlu menjelaskan apa yang diperlukan, perincian dana, kaedah penyaluran dana serta tempoh kutipan dana dengan

terperinci kepada bakal pelabur yang berponesi untuk menyuntik modal. Penerangan menerusi kempen ini amat penting bagi meyakinkan penyokong untuk terus menyalurkan sumbangan dan secara tidak langsung mereliasasikan impian pencetus.

Di Malaysia, terdapat dua jenis pendanaan orang ramai (crowdfunding) yang popular iaitu:

- Pendanaan orang ramai tanpa ganjaran (tanpa janji)
- Pendanaan orang ramai dengan

ganjaran (dengan janji)

Pendanaan orang ramai tanpa ganjaran merupakan pengumpulan dana berdasarkan konsep sedekah. Kebiasaannya penyokong menyalurkan dana atas rasa ihsan, simpati atau dengan sikap ingin membantu seikhlas hati kepada pencetus tanpa mengharapkan apa-apa pulangan atau balasan. Pendanaan orang ramai dengan ganjaran pula menawarkan pulangan kepada penyokong di dalam apa jua bentuk balasan seperti pemilikan saham (sekiranya ia melibatkan syarikat yang besar), pembahagian keuntungan menerusi peratusan yang telah dipersetujui atau ganjaran bukan kewangan. Selain daripada kedua-dua jenis pendanaan orang ramai yang dinyatakan di atas, terdapat satu lagi bentuk pendanaan yang popular namun sasaran penyokongnya lebih menjurus ke arah skala yang lebih besar iaitu 'equity crowdfunding'.

Forum 'equity crowdfunding' buat kali pertama telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 19 hingga 20 September, 2014 yang mana seramai 600 peserta telah menghadiri forum tersebut terdiri daripada usahawan dan para pelabur. Tujuan forum ini diadakan adalah bagi mewujudkan kesedaran dalam masyarakat akan potensi 'equity crowdfunding' sebagai salah satu alternatif untuk memperolehi dana. Dengan kewujudan platform seperti ini, pencetus idea mempunyai pilihan untuk meraih modal yang diperlukan pada kos yang berpatutan berbanding memenuhi syarat yang lebih ketat yang dikenakan oleh institusi kewangan.

Bagi memastikan setiap idea,

projek atau perniagaan yang dijalankan tidak dilakukan dengan sia-sia, sesetengah platform 'crowdfunding' telah meletakkan beberapa terma dan syarat sekiranya idea, projek dan perniagaan gagal menepati matlamat, gagal mengumpulkan dana dalam tempoh yang ditetapkan atau memberikan impak yang negatif kepada masyarakat.

Halatujuan perniagaan dan kepentingan 'crowdfunding'

Dalam menghadapi pandemik Covid-19, ramai yang melihat kewujudan 'crowdfunding' platform sebagai satu alternatif yang terbaik bagi membantu para peniaga terutamanya usahawan kecil dan orang yang kehilangan mata pencarian untuk memulakan perniagaan. Kesukaran untuk mendapatkan pinjaman serta ketidakpastian ekonomi telah menyebabkan para usahawan kecil ini sukar untuk mendapatkan modal perniagaan. Sekiranya usahawan ini dapat mengemukakan idea serta projek perniagaan yang bernas, sudah pasti orang awam akan menyokong perniagaan mereka melalui platform ini. Apa yang pasti, dalam setiap perniagaan kunci utama ialah sentiasa mengemukakan idea yang kreatif, inovatif, mempunyai halatujuan yang jelas dan mampu berdaya saing untuk kekal relevan tidak kira apa cabaran yang dihadapi untuk masa akan datang.